TATAKELAKUAN

CARGOTEC

Tatakelakuan ini yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Cargotec menjelaskan cara lazim kita bekerja.

Kita di Cargotec bekerja sebagai Sebuah Syarikat yang disatukan oleh wawasan yang sama. Kita mahukan Cargotec menjadi pemimpin pasaran yang tidak dapat disangkal dalam sistem pengendalian kargo dan perkhidmatan berkait dengan menjadi pilihan pertama pelanggan kita dan dengan mengembangkan perniagaan kita dengan cara yang menguntungkan. Supaya dapat mencapai ini, kita perlu menarik dan mengekalkan pekerja terbaik dalam industri kita. Pada masa yang sama, kita hidup dalam persekitaran yang berubah dengan pesat yang memerlukan pertimbangan yang kukuh dari segi etika tentang cara kita mengendalikan perniagaan.

Tatakelakuan ini yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Cargotec menjelaskan cara lazim kita bekerja. Ia menentukan cara kita mengharapkan semua kakitangan Cargotec berkelakuan dalam kerja harian mereka. Saya mengharapkan semua orang di Cargotec membaca dokumen ini dengan teliti dan mengetahuinya. Lembaga Pengarah akan mengkaji semula Tatakelakuan ini secara berkala dan membuat perubahan atau penjelasan lanjutan apabila perlu.

Dasar korporat dan garis panduan kita menyediakan sokongan tambahan dan memperincikan pelbagai isu yang mana prinsip ini telah digariskan dalam Tatakelakuan ini.

Kita semua bertanggungjawab untuk memenuhi piawai etika dan kepatuhan dalam pencapaian kita. Segala-galanya yang kita telah berjaya capai boleh tergugat akibat kecuaian seorang sahaja atau sebilangan kecil daripada kita. Kita mahu kakitangan kita berasa bangga bekerja dengan Cargotec.

Pemimpin pasaran yang sebenar menunjukkan teladan yang baik; kita perlu memperoleh rasa hormat daripada pemegang kepentingan kita dan komuniti di tempat kita beroperasi melalui integriti dan tanggungjawab yang kita tunjukkan dalam tindakan kita. Kita juga memerlukan rakan kongsi kita mematuhi prinsip-prinsip yang serupa.

Helsinki, 3 Mac 2014

Mika Vehviläinen
President dan CEO
Cargotec Corporation

Edisi Ketiga, Mac 2014

Kita mahu menjadi warga korporat yang baik di setiap bidang kuasa yang kita beroperasi.

Pematuhan dengan undang-undang dan peraturan masyarakat

Kita di Cargotec komited untuk mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan negara dan antarabangsa yang diguna pakai. Kita mahu menjadi warga korporat yang baik di setiap bidang kuasa yang kita beroperasi. Kita menghargai ketelusan dan integriti perniagaan dan mengakui bahawa prestasi ekonomi, alam sekitar dan sosial bersama-sama membentuk asas untuk menyokong kemampanan dalam operasi perniagaan kita.

Kod antarabangsa utama yang disokong oleh Cargotec adalah:

- Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat Bangsa-Bangsa Bersatu (UN),
- Perjanjian Global UN,
- Perisytiharan Hak Asasi dan Hak di Tempat Kerja Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan
- Garis Panduan untuk Perusahaan Multinasional OECD.

Kelakuan Perniagaan

Kelakuan Perniagaan

Konflik kepentingan

Kakitangan dan ahli Lembaga Cargotec diharapkan bertindak demi kepentingan terbaik syarikat. Oleh itu, mereka mesti mengelakkan situasi yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi mereka bercanggah dengan kepentingan Cargotec.

Pembentukan hubungan perniagaan mestilah atas dasar kriteria objektif. Oleh itu, kakitangan tidak harus menawarkan, membuat, meminta atau menerima hadiah, bayaran, hiburan atau perkhidmatan sedemikian kepada atau daripada rakan kongsi perniagaan sebenar atau berpotensi, yang mungkin dipercayai mempengaruhi urus niaga perniagaan secara wajar dan yang melebihi piawai kemesraan yang biasa.

Pengurusan orang dalam

Maklumat dalaman bermaksud maklumat yang tidak didedahkan yang seseorang pelabur akan menganggap penting dalam membuat keputusan sama ada untuk membeli atau menjual saham sesebuah syarikat. Maklumat dalaman sedemikian akan disimpan secara rahsia sehingga ia didedahkan atau sebaliknya diumumkan dalam pasaran.

Seseorang yang memiliki maklumat dalaman tidak dibenarkan berdagang mahupun mendedahkan maklumat berkait mengenai saham terbabit selagi maklumat tersebut belum diumumkan.

Perdagangan orang dalam dan penggunaan maklumat dalaman dikawal selia oleh perundangan orang dalam dan diawasi oleh pihak berkuasa penyeliaan kewangan. Peraturan Orang Dalam Cargotec meringkaskan dan menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai amalan-amalan yang Cargotec harapkan semua orang yang memiliki dan menguruskan maklumat dalaman mematuhinya.

Kakitangan dan ahli Lembaga Cargotec diharapkan bertindak demi kepentingan terbaik syarikat.

Cargotec melibatkan pelbagai kumpulan pemegang kepentingannya melalui komunikasi dan dialog terbuka.

Persaingan adil

Kita menghormati peraturan-peraturan yang mengawal persaingan bebas dan adil dan komited untuk mematuhi undang-undang antitrust dan lain yang diguna pakai untuk mengawal selia persaingan. Ini merangkumi gelagat pasaran umum kita dan situasi yang boleh menimbulkan kebimbangan undang-undang persaingan seperti, tetapi tidak terhad kepada, kenalan pesaing, pertukaran maklumat dan persatuan industri.

Cargotec sudah mengeluarkan Panduan Kepatuhan Persaingan berkenaan dengan undang-undang persaingan Eropah. Jabatan Undang-Undang Cargotec tersedia untuk memberi nasihat lebih lanjut dan sentiasa mesti diberitahu jika mana-mana unit atau ahli kakitangan dihubungi oleh Pihak Berkuasa Persaingan.

Hak harta intelektual dan aset-aset lain

We respect intellectual property rights and engage in transferring technology and know-how in a manner that protects these rights. We also respect our company's assets and do not seek personal gain through use of Cargotec property, information or position. We safeguard confidential information, also including information that suppliers, customers, or other partners have entrusted to us.

Komunikasi dan kenalan pemegang kepentingan

Cargotec melibatkan pelbagai kumpulan pemegang kepentingannya melalui komunikasi dan dialog terbuka. Perhubungan pemegang kepentingan dikendalikan dengan integriti, keadilan dan kerahsiaan. Walau bagaimanapun, ia difahami bahawa undang-undang bursa saham mungkin menyebabkan sekatan tertentu dalam komunikasi.

Cargotec bekerjasama dengan pihak berkuasa dan badan-badan kawal selia di peringkat setempat, negara dan antarabangsa.

CARGOTEC

Perhubungan pelanggan

Kita beroperasi di seluruh dunia dengan komitmen jangka panjang kepada pelanggan.

Perhubungan pelanggan

Kejayaan pelanggan kita adalah kunci kepada kejayaan kita sendiri. Kita beroperasi di seluruh dunia dengan komitmen jangka panjang kepada pelanggan kita supaya dapat memenuhi dan melebihi jangkaan mereka secara berterusan. Kita berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadi pembekal pilihan pelanggan semasa dan baru.

Saling mempercayai dibina melalui kata-kata dan tindakan yang berintegriti. Oleh itu, komitmen yang diberikan kepada pelanggan kita hendaklah jujur dan betul. Kita juga mengharapkan tingkah laku sebegini daripada pelanggan kita.

Perhubungan pembekal

Pembekal adalah bahagian penting dalam rantaian pembekal keseluruhan kita. Kita memilih pembekal kita dengan teliti dan berdasarkan faktor-faktor objektif seperti mutu, kebolehpercayaan, penghantaran dan harga, tanpa mengutamakan sebab-sebab peribadi. Pembekal diharap menguruskan perniagaan mereka dengan mematuhi undang-undang dan amalan hak asasi manusia dan alam sekitar antarabangsa. Tambahan, dalam tindakan dan operasi mereka, pembekal dan subkontraktor diharapkan mematuhi undang-undang tempatan di negara mereka beroperasi.

Kita menggalakkan penggunaan Tatakelakuan ini di kalangan pembekal kita dan berikhtiar untuk mengawasi tindakan mereka dalam hal ini.

Kita menghormati kebebasan berpersatuan kakitangan kita.

Persekitaran kerja

Kesihatan dan keselamatan

Kita berdedikasi untuk melindungi kesihatan dan keselamatan kakitangan di tempat kerja. Kakitangan bertanggungjawab untuk melindungi diri mereka, rakan sekerja, tapak kerja, komuniti dan persekitaran dengan melaporkan keadaan kesihatan atau keselamatan yang tidak dapat diterima, mengambil langkah-langkah pencegahan dan meminimumkan kerosakan akhir.

Sebagai pemimpin teknologi, kita membangunkan sistem inovatif dan perkhidmatan berkaitan yang memenuhi keperluan individu pelanggan kita. Kita menyelidik, membangunkan dan berusaha untuk meningkatkan kecekapan pengendalian kargo pelanggan. Kita berusaha bersungguh-sungguh dalam pembangunan produk kita dan kaedah jaminan mutu kita untuk meminimumkan risiko kesihatan dan keselamatan berkaitan dengan penggunaan keluaran dan perkhidmatan kita.

Tanpa diskriminasi

Kita komited kepada peluang sama dalam dasar, prosedur dan amalan pekerjaan. Lagipun, kita komited kepada persekitaran kerja tanpa diskriminasi yang menghargai kepelbagaian tanpa mengira jantina, bangsa, agama, kewarganegaraan, umur atau keupayaan fizikal atau apa-apa aspek kepelbagaian yang lain. Gangguan sama ada secara bersemuka, bertulis, elektronik atau lisan tidak akan ditolak ansur. Kita menghormati kebebasan berpersatuan kakitangan kita. Sebagai sebuah syarikat, Cargotec tidak bertindak berat sebelah mahupun bersuara mahupun terikat kepada parti politik atau kumpulan agama.

CARGOTEC

Alam sekitar

Alam sekitar

Cargotec komited kepada tindakan yang bertanggungjawab dan mempertimbangkan aspek alam sekitar apabila membuat keputusan perniagaan. Kita berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan penyelesaian pengendalian kargo yang maju dari segi alam sekitar dan memenuhi keperluan pelanggan kita.

Kepatuhan kepada piawai alam sekitar berdasarkan pada arahan undang-undang merupakan komponen penting prestasi alam sekitar kita dan kita berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki prestasi alam sekitar kita, walaupun tidak diperlukan oleh undang-undang. Kita menjalankan audit dalaman untuk menilai kemajuan kita.

Kita menjalankan audit dalaman untuk menilai kemajuan kita.

HIAB
XS 622 HIPRO

Pelaksanaan

Tujuan Tatakelakuan ini adalah untuk menetapkan prinsip bagi cara bekerja di Cargotec. Kita mengharapkan semua kakitangan kita mematuhi piawai yang ditetapkan dalam Tatakelakuan.

Cargotec menggalakkan pelaksanaan Tatakelakuan melalui komunikasi berkesan kandungannya kepada kakitangan. Audit dalaman bertindak sebagai Pegawai Kepatuhan Korporat dan melaporkan sebarang isu yang timbul dalam organisasi berkaitan dengan Tatakelakuan ini kepada Lembaga Pengarah setahun sekali atau pada bila-bila masa sesuai.

Ahli kakitangan hendaklah menghubungi pengurus mereka jika terdapat apa-apa persoalan atau meminta nasihat daripada Pegawai Kepatuhan Korporat atau pegawai korporat lain yang relevan. Tidak akan ada akibat buruk yang berkaitan kerja atau kerjaya jika seseorang ahli kakitangan melaporkan pelanggaran mungkin.

Cargotec akan mengenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penamatan kerja, terhadap ahli kakitangan yang melanggar undang-undang dan peraturan, Tatakelakuan ini, atau dasar Cargotec lain.

Bahasa asal Tatakelakuan ini adalah bahasa Inggeris. Jika terdapat apa-apa percanggahan antara terjemahan, dokumen bahasa Inggeris akan digunakan.

Porkkalankatu 5
P.O. Box 61
FI-00501 Helsinki
FINLAND
Tel. +358 20 777 4000
Fax +358 20 777 4036
Business Identity Code 1927402-8
communications@cargotec.com
www.cargotec.com